



**MINIT MESYUARAT (MBJ)
MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2024**

Tarikh : 4 April 2024 (Khamis)
Masa : 2.30 – 4.30 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Mutiara
Aras 6, Blok Menara 4G2
Wisma Tani, Putrajaya / Atas Talian

KEHADIRAN WAKIL PENGURUSAN:

1. Dato' Adnan bin Hussain - Pengerusi
Ketua Pengarah Perikanan
2. Tn. Hj. Bohari bin Hj. Leng - Ahli
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
3. Mohamed Rizal Bin Mustafa @ Mustapha - Ahli
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
4. Puan Shamila binti Zainol - Ahli
Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan
5. Puan Agnes Caroline Anak Gibea - Ahli
Bahagian Khidmat Pengurusan
6. Puan Nur Hidayati binti Abu Hairi - Setiausaha Pihak
Bahagian Khidmat Pengurusan Pengurusan
7. Puan Nurul Husna binti Zaidi - Urus setia
Bahagian Khidmat Pengurusan

KEHADIRAN WAKIL PEKERJA:

1. Nummeran bin Mohd Nordin
Bahagian Pengembangan Perikanan
Naib Pengerusi dan Wakil Pekerja G48
2. Mohamad Ikraf bin Mohamad Sharif
Bahagian Akuakultur
Setiausaha dan Wakil Pekerja Pegawai Perikanan G41
3. Muhamad Abdul Rauf bin Abdullah
Bahagian Sumber Perikanan Tangkapan
Wakil Pekerja Pegawai Perikanan G44
4. Wan Muhammad Luqman bin Wan Rosdi
Institut Penyelidikan Perikanan Kg. Aceh, Perak
Wakil Pekerja Pegawai Penyelidik Gred Q41/44/48
5. Ahmad Rashid Effendi bin Ahmad Razali
Pejabat Perikanan Negeri Kelantan
Wakil Pekerja Penolong Pegawai Perikanan Gred G29/32/36
6. Mohammad Hafiz bin Hassan
Institut Penyelidikan Perikanan Bintawa, Sarawak
Wakil Pekerja Penolong Pegawai Penyelidik Perikanan Gred Q29/32/36/40
7. Abdul Hafiz bin Shaari
Pejabat Perikanan Negeri Terengganu
Wakil Pekerja Pembantu Perikanan Gred G19/22/26/28
8. Noor Shafida binti Mohamad Tarmizi
Institut Penyelidikan Perikanan Pulau Sayak, Kedah
Wakil Pekerja Pembantu Penyelidik Gred Q19/22/26/28
9. Kho Tai Soon
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41/44/48
10. Shamsul Nizam bin Ibrahim Kamal
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja Ketua Pembantu Tadbir (Kew) Gred W41/29 & W19/22/26

11. Norakmal bin Ramli
Institut Penyelidikan Perikanan Batu Maung, Pulau Pinang
Wakil Pekerja Penolong Pegawai Sains Gred C29 & C19/22/26
12. Mohd Nazir bin Talib
Institut Penyelidikan Perikanan Kampung Acheh, Perak
Wakil Pekerja Penolong Jurutera Gred JA29/32/36
13. Aziz bin Yahya
Akademi Perikanan Malaysia
Wakil Pekerja Penolong Pegawai Laut Gred A29/36/38
14. Nur Athirah Binti Abdul Rahman
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja Penolong Pegawai Tadbir Gred N29/32 & N19/22/26
15. Syazwana binti Mohd Subhi
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Wakil Pekerja Setiausaha Pejabat Gred N29/30/32/36 & N19/22/26/28
16. Muhammad Sufi bin Zamri
Operator Wayarles
Bahagian Konservasi dan Perlindungan Sumber
Wakil Pekerja Operator Wayarles Gred N19/22/26
17. Mahfudzah binti Mahadzir
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Wakil Pekerja Pegawai Kader

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

Wakil Pengurusan

1. Tn. Hj. Wan Muhammad Aznan bin Abdullah - Ahli
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

Wakil Pekerja

1. Mohd Fikran bin Noor Azli
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja Pemandu Kenderaan Gred N11/14, H11/14 & H11/14

TURUT HADIR:

1. Puan Liza binti Long
Jabatan Perikanan Laut Sarawak - Wakil JPLS
(Hadir atas talian)
2. Puan Anis Mazidah binti Abd Samad
Akademi Perikanan Malaysia - Wakil APM
(Hadir atas talian)
3. Puan Wan Nor Salma binti Wan Salleh
Bahagian Khidmat Pengurusan - Urus setia

1. UCAPAN ALUAN Pengerusi MBJ

- 1.1 YBhg. Dato' Adnan bin Hussain selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam dan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir secara fizikal serta mengalu-alukan kehadiran Wakil Pengurusan dan Wakil Pekerja yang turut hadir secara atas talian.

Tindakan: Makluman

- 1.2 YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Wakil Pekerja yang telah dilantik bagi sesi tahun 2024-2025 yang diwakili oleh semua skim perkhidmatan berdasarkan Perlembagaan MBJ baharu yang telah diluluskan pada tahun 2023. Beliau berharap agar mesyuarat ini dijadikan sebagai satu platform untuk melontarkan idea-idea baru dan berkongsi isu-isu yang dihadapi oleh warga Jabatan agar dapat dibincangkan dan diselesaikan dengan baik oleh pihak Pengurusan.

Tindakan: Makluman

- 1.3 YBhg. Dato' Pengerusi turut memaklumkan, pada awal tahun ini Kerajaan telah melancarkan empat sistem untuk rakyat iaitu Sistem Pangkalan Data Utama (PADU), AI untuk Rakyat, MyDigital ID dan MyPsyD. Selaras dengan pelancaran sistem tersebut, semua kakitangan awam telah diwajibkan untuk mendaftar dan mengemaskini maklumat bagi kesemua sistem tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan. Oleh itu, YBhg. Dato' Pengerusi memohon agar Wakil Pekerja mengambil peranan dalam menyampaikan arahan serta maklumat yang jelas berhubung arahan-arahan yang telah dikeluarkan oleh Pihak Pengurusan dari semasa ke semasa kepada semua warga jabatan agar tindakan dapat diambil dengan segera.

Tindakan: Makluman

- 1.4 YBhg. Dato' Pengerusi juga memaklumkan Mesyuarat Pembangunan Sumber Manusia telah dilaksanakan pada 20 dan 26 Mac 2024 yang lalu. Secara keseluruhan, warga Jabatan ini telah memperolehi kategori 'Cemerlang' dan 'Baik' dalam penilaian LNPT bagi tahun 2023. Beliau memohon agar semua warga dapat meneruskan prestasi yang cemerlang pada tahun 2024 dan menjalankan tanggungjawab yang telah diberikan dengan amanah dan berintegriti.

Tindakan: Makluman

2. UCAPAN ALUAN WAKIL NAIB Pengerusi MBJ

- 2.1. Naib Pengerusi MBJ baharu bagi sesi tahun 2024-2025, En. Nummeran bin Mohd Nordin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan di atas penganjuran mesyuarat MBJ yang diadakan buat kali pertama bagi tahun 2024. Beliau memaklumkan mesyuarat ini dihadiri oleh Wakil Pekerja lantikan sesi baharu dan beliau memperkenalkan semua wakil baharu seperti senarai di Lampiran. Beliau berharap agar semua isu yang diutarakan mendapat penjelasan dan penyelesaian yang terbaik daripada Pihak Pengurusan.

Tindakan: Makluman

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MBJ BIL. 3/2023

- 3.1. Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 3 Tahun 2023 diusul untuk disahkan tanpa sebarang pindaan oleh Pn. Nur Hidayati binti Abu Hairi dan telah disokong oleh Pn. Nurul Husna binti Zaidi.

Tindakan: Makluman

4. MAKLUM BALAS MESYUARAT MBJ BIL.3/2023

4.1. Elaun Khas Kepakaran bagi Pakar Pukat di Akademi Perikanan Malaysia

- 4.1.1. Melalui Mesyuarat MBJ Bil.3/2023, Wakil Pekerja mengusulkan agar pegawai yang mempunyai kepakaran pukat di APM diberikan elaun khas kepakaran memandangkan mereka sering dijemput oleh jabatan/agensi luar sekiranya berlaku kes-kes berkaitan vesel dalam pengenalpastian pukat.

Tindakan: Makluman

- 4.1.1.1 Ketua Cawangan Personel (KCP) memaklumkan tiada organisasi atau badan bebas luar yang boleh mengiktiraf/mewartakan kepakaran. Berdasarkan Kajian Rasionalisasi Elaun Perkhidmatan Awam dan Kajian Saraan Baharu yang dilaksanakan, JPA lebih ketat dalam urusan memperkenalkan elaun baharu. Beliau turut memaklumkan pemberian sesuatu elaun adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh JPA dan justifikasi yang lebih kukuh diperlukan selain penyelesaian secara pentadbiran dalaman perlu dilaksanakan terlebih dahulu. Selain itu, elaun/ kemudahan kerana hadir di mahkamah telah disediakan dan prinsip tiada dua pemberian faedah bagi satu tugas adalah jelas berdasarkan WP.1.4 Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran

Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi.

Tindakan: Makluman

4.1.2. YBhg. Dato' Pengerusi memohon agar Akademi Perikanan Malaysia (APM) melihat semula keperluan kursus-kursus kepakaran kepada kakitangan DOF sebagaimana kursus yang dilaksanakan oleh Southeast Asian Fisheries Development Centre (SEAFDEC) dengan kumpulan sasar terdiri daripada Kumpulan Pelaksana dan Pengurusan & Profesional.

4.1.2.1 Pengarah APM memaklumkan perbincangan awal bersama pegawai di ISMAT telah dibuat bagi melihat peluang untuk pakar pukat sedia ada Jabatan berkursus di SEAFDEC TD, Samut Prakand, Thailand atau menjemput pakar tersebut ke Malaysia. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kursus ini bergantung kepada peruntukan dan kelulusan peringkat tertinggi Jabatan sekiranya di tawarkan.

Tindakan: Makluman

4.1.2.2 Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) memaklumkan dua kursus asas pengenalan pukat telah dilaksanakan pada tahun 2023 iaitu Kursus Teknologi Peralatan Menangkap Ikan (Siri 1) pada 22-25 Mei 2023 di KPSN, Perak dan Kursus Teknologi Peralatan Menangkap Ikan (Siri 2) pada 11-14 September 2023 di APM, Terengganu. Surat lantikan pakar telah diedarkan kepada 19 orang kakitangan yang dilantik pada 6 Februari 2024 dan watakah pelantikan pakar akan diserahkan pada Majlis Perhimpunan Bulanan yang akan datang. YBrs. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) mencadangkan agar tempoh dan silibus kursus yang dilaksanakan dikaji semula agar kursus kepakaran yang dilaksanakan lebih komprehensif dan mampu melahirkan pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran yang tinggi di dalam bidang teknikal yang diceburi.

Tindakan: BPMI/SPT

4.1.2.3 Pengarah BPMI turut memaklumkan sasaran bagi tahun 2024 adalah sebanyak 70 kursus untuk meningkat dan mengekalkan kepakaran warga DOF dan 30 kursus yang dihadiri oleh kumpulan sasar dengan menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh Bhg Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP).

Tindakan: Makluman

5. ISU WAKIL PEKERJA

5.1. Kaedah Kenaikan Pangkat bagi Pegawai Perikanan Gred G44 ke G48 Secara Fleksi

5.1.1 Naib Pengerusi MBJ memaklumkan berdasarkan bilangan perjawatan dan umur pegawai yang menjawat jawatan G48 sedia ada pada masa ini akan menyebabkan peluang kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai Gred G44 ke G48 terhad. Beliau juga turut memohon penjelasan bagi kaedah pelaksanaan kenaikan pangkat bagi Gred G41 ke G44 fleksi.

Tindakan: Makluman

5.1.2 KCP memaklumkan berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh YBhg. Dato' Pengerusi di dalam Mesyuarat MBJ Bil.3/2023, isu ini telah dibangkitkan oleh banyak pihak dan dalam perhatian pihak JPA melalui Kajian Saraan yang sedang dilaksanakan. Sehubungan itu, mesyuarat telah bersetuju tiada keperluan bagi mewujudkan *task force* kajian kaedah kenaikan pangkat bagi Pegawai Perikanan Gred G44 ke Gred G48 buat masa ini sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Wakil Pekerja. Manakala kaedah pelaksanaan bagi urusan kenaikan pangkat Gred G41 ke G44 fleksi sebelum ini dilaksanakan secara *one-off* dan semakan dengan pihak JPA perlu dibuat sekiranya urusan ini mempunyai keperluan untuk diteruskan. Beliau turut memaklumkan Kajian Saraan yang dilaksanakan oleh JPA dijangka akan selesai pada Disember 2024 sebagaimana yang dimaklumkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju agar hal ini ditangguhkan terlebih dahulu sehingga hasil kajian yang dilaksanakan JPA diperolehi.

Tindakan: Makluman

5.1.3 Wakil Pekerja Gred G44, En. Muhamad Abdul Rauf bin Abdullah mencadangkan agar satu sesi pertemuan bersama pegawai-pegawai Gred G44 diadakan agar penjelasan dapat dibuat oleh Pihak Pengurusan berhubung proses dan status semasa bagi urusan kenaikan pangkat. YBhg. Dato' Pengerusi bersetuju dengan cadangan tersebut dan turut memaklumkan bahawa urusan kenaikan pangkat bagi pengisian kekosongan Gred G48 sedang dilaksanakan dan di peringkat Kementerian sebelum kertas cadangan dipanjangkan ke pihak JPA bagi tujuan kelulusan.

Tindakan: BKP

5.2 Kenaikan Pangkat Pembantu Perikanan Gred G19 Ke Penolong Pegawai Perikanan Gred G29 Secara Penyelarasan Jawatan

5.2.1 Naib Pengerusi MBJ sedia maklum perkara ini pernah dibincangkan di dalam Mesyuarat MBJ sebelum ini berhubung cadangan penyelarasan / tukar lantik bagi jawatan Pembantu Perikanan Gred G19 ke Penolong Pegawai Perikanan Gred G29. Walau bagaimanapun, beliau memohon pencerahan berhubung perkara ini serta status semasa sekiranya terdapat tindakan yang diambil.

Tindakan: Makluman

5.2.2 KCP memaklumkan keputusan MBJ Bil.3/2023 memutuskan Jabatan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk meneruskan permohonan cadangan Tukar Lantik Pembantu Perikanan Gred G19 ke Gred G29 memandangkan cadangan ini tidak mendapat persetujuan dasar di peringkat pengurusan justeru tidak diambil kira semasa cadangan Penstrukturan Semula Organisasi dan Pengukuhan Perjawatan pada tahun 2022.

Tindakan: Makluman

5.3 Kenaikan pangkat Pembantu Laut Gred A19 ke Gred A22 secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK)

5.3.1 Naib Pengerusi MBJ memohon pencerahan berkaitan status urusan kenaikan pangkat secara TBK bagi jawatan Pembantu Laut Gred A19 ke Gred A22 yang telah melepasi syarat tempoh perkhidmatan berkelayakan. Beliau turut memohon penjelasan berhubung pemilihan Ketua Perkhidmatan bagi kumpulan skim perkhidmatan tersebut.

Tindakan: Makluman

5.3.2 KCP memaklumkan urusan kenaikan pangkat dilaksanakan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat yang dipengerusikan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing. Secara keseluruhannya, terdapat 344 orang Pembantu Laut yang berkhidmat di DOF yang mana hanya 60 orang sahaja telah memilih KPP sebagai Ketua Perkhidmatan dan selebihnya memilih KP Laut sebagai Ketua Perkhidmatan. Sehingga hari ini, urusan kenaikan pangkat di DOF dilaksanakan dua kali setahun termasuk bagi urusan kenaikan pangkat TBK Pembantu Laut. Beliau turut memaklumkan tiada lagi urusan

pemilihan Ketua Perkhidmatan akan dilaksanakan dan pemilihan opsyen pada tahun 2018 adalah kekal.

Tindakan: Makluman

- 5.3.3 KCP turut memaklumkan satu sesi Kunjungan Hormat ke Jabatan Laut Malaysia yang diketuai oleh YBr. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) telah diadakan pada 26 Februari 2024. Terdapat beberapa perkara yang dibincangkan termasuk urusan kenaikan pangkat dan penempatan bagi Pembantu Laut. Pihak JLM memaklumkan terdapat kelewatan dalam urusan kenaikan pangkat disebabkan oleh kekurangan dokumen sokongan berhubung pemilihan Ketua Perkhidmatan. Melalui perbincangan tersebut, DOF bersetuju untuk membantu pihak JLM dalam membuat semakan dan mengemukakan dokumen sokongan tersebut agar urusan kenaikan pangkat dapat dilaksanakan dengan teratur.

Tindakan: BKP

5.4 Kekurangan Jawatan Pembantu & Pegawai Teknologi Maklumat

- 5.4.1 Naib Pengerusi MBJ memohon pertimbangan penambahan jawatan bagi Skim F memandangkan Cawangan Pengurusan Maklumat hanya mempunyai sepuluh orang kakitangan tetap untuk menyokong ICT bagi seluruh Jabatan. Berdasarkan perjawatan sedia ada, hanya terdapat tiga negeri yang mempunyai Skim F dan ini menyebabkan penambahan tugas serta bebanan di peringkat negeri. Selain itu, pihak pengurusan juga dimohon untuk mempertimbangkan penambahan MySTEP bagi menyokong urusan teknikal dan pentadbiran.

Tindakan: Makluman

- 5.4.2 Ahli mesyuarat mengambil maklum berdasarkan maklum balas oleh KCP, PB 3.3 Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan, pewujudan jawatan baharu tidak dibenarkan kecuali melalui urusan *trade off* atau pindah butiran. Bagi tujuan ini, jawatan di gred lantikan perlu dimansuhkan dengan nilai yang setara. Walau bagaimanapun, pewujudan jawatan baharu boleh dipertimbangkan sekiranya melibatkan pertambahan fungsi baharu. Manakala bagi cadangan penambahan bilangan MySTEP, KCP memaklumkan jumlah MySTEP adalah berdasarkan kelulusan Pegawai Pengawal dan pada tahun ini hanya diluluskan 50% daripada yang dimohon dan jumlah tersebut perlu diagih secara sama rata. Selain itu, permohonan tambahan MySTEP perlu diangkat kepada Ketua Setiausaha KPKM selaku Pegawai Pengawal bagi tujuan kelulusan.

5.5 Urusan Pengisian Kekosongan Sedia Ada

- 5.5.1 Naib Pengerusi MBJ memohon pertimbangan pengisian kekosongan sedia ada dilaksanakan dengan segera terutama bagi kekosongan di negeri dan daerah yang mana menyebabkan pertambahan bebanan tugas. Selain itu, dengan urusan pengisian kekosongan juga dapat memberikan peluang kenaikan pangkat.

Tindakan: Makluman

- 5.5.2 KCP memaklumkan pengisian jawatan adalah melalui dua urusan iaitu pengisian jawatan bagi gred lantikan dan secara kenaikan pangkat. Ahli mesyuarat dimaklumkan pengisian di gred lantikan adalah berdasarkan kelulusan JPA dan had maksimum pengisian sebanyak 92% yang mana DOF telah mengisi 90.77% (peratus pengisian berubah-ubah mengikut pergerakan keluar masuk pegawai (persaraan, peminjaman, bertukar keluar)). Bagi tahun 2024, DOF hanya diluluskan sebanyak 55 pengisian di jawatan gred lantikan berbanding jumlah kekosongan sebenar 231. Manakala bagi pengisian jawatan secara kenaikan pangkat, Cawangan Personel sedang melaksanakan urusan naik pangkat dan kini berada di pelbagai peringkat (DOF, KPKM dan JPA). Selain itu, pengisian perjawatan bagi pegawai kader juga tertakluk kepada urusan yang dilaksanakan oleh Agensi Pembekal selaku Ketua Perkhidmatan bagi pelbagai Skim Perkhidmatan.

Tindakan: Makluman

5.6 Tuntutan Perjalanan dan Elaun Kerja Lebih Masa di peringkat negeri

- 5.6.1 Naib Pengerusi MBJ memaklumkan di peringkat negeri menghadapi masalah kekurangan peruntukan bagi pembayaran Tuntutan Perjalanan dan Elaun Kerja Lebih Masa sedangkan pegawai terpaksa menggunakan kenderaan persendirian bagi menghadiri tugas rasmi di luar kawasan memandangkan kenderaan Jabatan telah digunakan oleh kakitangan lain. Selain itu, Wakil Pekerja juga memohon pandangan sekiranya tuntutan perjalanan penceramah boleh dibuat kepada pihak penganjur memandangkan peruntukan yang terhad di PTJ sendiri.

Tindakan: Makluman

5.6.2 Ketua Cawangan Kewangan memaklumkan secara dasarnya tuntutan boleh dibuat kepada mana-mana pihak sama ada pihak penganjur atau PTJ masing-masing bergantung kepada persetujuan dan kesediaan peruntukan. Sehubungan itu, beliau berpandangan tuntutan perjalanan ini perlu diambil kira di dalam setiap kertas cadangan yang dikemukakan agar tidak berlaku kekurangan peruntukan bagi tujuan pembayaran selepas program dilaksanakan.

Tindakan: Makluman

5.6.3 Pengarah BPMI memaklumkan bagi kursus-kursus di bawah Pelan Operasi Latihan (POL), peruntukan penceramah telah diambil kira di bawah pembayaran Honorarium manakala tuntutan perjalanan tidak diambil kira di dalam kertas tersebut memandangkan tuntutan perlu dibuat oleh penceramah di PTJ masing-masing. Pengarah APM turut berkongsi pandangan, bagi kursus-kursus yang dilaksanakan di APM, semua penceramah telah dimaklumkan berhubung pembayaran honorarium dan tuntutan perjalanan sebelum program dilaksanakan. Dalam hal ini, YBhg. Dato' Pengerusi mencadangkan agar BPMI dan BKP membuat semakan dan penyelarasan bagi kaedah pembayaran honorarium dan tuntutan perjalanan bagi pegawai yang dijemput sebagai penceramah jemputan.

Tindakan: BKP dan BPMI

6. HAL-HAL LAIN

6.1 YBrs. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) berpandangan Mesyuarat MBJ ini merupakan satu platform yang baik di antara Wakil Pekerja dan Pihak Pengurusan untuk membincangkan masalah yang dihadapi oleh pihak pekerja agar dapat diselesaikan dengan cara yang terbaik oleh pihak pengurusan. Sehubungan itu, beliau memohon agar Wakil Pekerja dapat melihat semula usul-usul yang akan dibawa pada mesyuarat akan datang agar dapat mencapai hasrat sebenar tujuan penubuhan MBJ yang mana bertujuan untuk menjaga hak dan kebajikan pekerja-pekerja seperti isu persekitaran tempat kerja dan keperluan lain yang boleh dilaksanakan dengan segera. Beliau juga berpandangan usul-usul yang melibatkan dasar boleh dibincangkan di dalam mesyuarat yang lebih bersesuaian seperti mesyuarat pengurusan atau mesyuarat dasar Jabatan.

Tindakan: Wakil Pekerja

- 6.2 Muhamad Abdul Rauf bin Abdullah, Wakil Pekerja Gred G44 mencadangkan agar Mesyuarat MBJ pada sesi akan datang tidak hanya dilaksanakan di ibu pejabat sahaja tetapi boleh juga dilaksanakan di negeri atau mengadakan sesi lawatan.

Tindakan: BKP/ Wakil Pekerja

7. PENUTUP

- 7.1 YBhg. Dato' Pengerusi sekali lagi memberikan peringatan agar semua warga DOF dapat menjalankan tugas dengan baik dan sentiasa memastikan setiap prosedur yang dilaksanakan mengikut tatacara dan tadbir urus yang teratur sebagaimana yang telah digariskan. Beliau juga berharap agar semua projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan baik pada tahun ini memandangkan DOF telah diluluskan peruntukan melebihi RM100 juta bagi projek-projek pembangunan.

Tindakan: Makluman

- 7.2 YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

Tindakan: Makluman

DISEDIAKAN OLEH:



.....

(NUR HIDAYATI BINTI ABU HAIRI)

Setiausaha Pengurusan
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia



.....

(MOHAMAD IKRAF BIN MOHAMAD SHARIF)

Setiausaha Bersama
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia